

**Perkasa P.Pinang Mahu Berjumpa Guan Eng Bincang Isu Orang Melayu  
Bernama  
18 Januari, 2012**

GEORGE TOWN, 18 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) Pulau Pinang ingin mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Lim Guan Eng bagi membincangkan beberapa isu melibatkan orang Melayu di negeri ini.

Ketua Wira Perkasa negeri, Mohd Rizud Azudin berkata surat berhubung perjumpaan itu akan dihantar esok dan Lim diharap memberikan keputusan untuk mengadakan pertemuan dalam masa dua minggu.

Katanya, Perkasa mahu bersemuka secara rasmi bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan masalah orang Melayu di negeri ini.

"Kami ingin berjumpa dengan Lim Guan Eng setelah beberapa kali kami melakukan demonstrasi dan kami minta maklumat sampai sekarang tiada apa-apa jawapan daripada kerajaan negeri," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Mohd Rizud berkata antara perkara yang akan dibincangkan adalah mengenai isu perumahan mampu milik rakyat yang dijanjikan kerajaan negeri pada pilihan raya umum lepas dan isu kedai orang Melayu yang dirobuhkan tidak mendapat apa-apa pampasan daripada kerajaan negeri.

Beliau meminta kerajaan negeri memandang serius mengenai isu itu dan berharap ia dapat diselesaikan segera.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640923>